

09 FEB 2003

Puashati (Bergambar)

DR MAHATHIR PUASHATI PROJEK PEMBANGUNAN DI LANGKAWI - MB

LANGKAWI, 9 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuashati dengan kemajuan pelbagai projek pelancongan di pulau peranginan ini yang berjalan mengikut jadual, kata Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri juga gembira kerana sejak Langkawi diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai pada 1990, semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan dalam tempoh yang disarankan.

"Dr Mahathir memang berpuashati dengan projek yang dilaksanakan kerana tidak ada projek yang terbengkalai," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali setelah melakukan lawatan dua hari di sini.

Syed Razak berkata Dr Mahathir sentiasa memberi perhatian dan kerap melakukan lawatan kerja untuk melihat projek yang dijalankan, siap dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Semasa lawatan terbaru ini, Dr Mahathir meninjau kemajuan projek "Harbour Park Langkawi" yang bernilai RM40 juta di Pantai Kok di sini yang dibangunkan berdasarkan konsep pembangunan Mediterranean mengandungi antaranya sebuah marina untuk 100 kapal layar pada satu-satu masa, hotel dan apartmen.

Dr Mahathir juga melawat stesen perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks beli belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter dan diberi taklimat mengenai cadangan projek membina jambatan gantung bernilai RM2 juta, yang akan menjadi satu lagi daya tarikan pelancong menggunakan perkhidmatan kereta kabel.

Beliau turut melawat Galeria Perdana (menempatkan lebih 8,000 koleksi cenderahati yang diterima beliau dan kini diperbesarkan untuk menambah dua blok pameran lagi) dan pembangunan di jeti Sungai Kilim termasuk pembangunan hutan paya bakau berdekatan.

Dr Mahathir juga meninjau pantai Tanjung Rhu, pusat penyenggaraan kapal layar dan kapal mewah di Tanjung Lembung serta mengunjungi kompleks membeli belah Sky Mall sebelum menaiki pesawat ke Kuala Lumpur di Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi.

-- BERNAMA

NH RON